

23 NOVEMBER 2017

KENYATAAN MEDIA BERSAMA

## MENJELANG PERSIDANGAN ANTARABANGSA, NGO MENDESAK KERAJAAN SWITZERLAND MENGEMBALIKAN DANA SITAAN 1MDB

PETALING JAYA (Khamis): Menjelang sebuah persidangan antarabangsa yang akan dianjurkan oleh Bank Dunia di Washington DC, 112 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia mendesak kerajaan Switzerland untuk memulangkan 104 juta Swiss Francs (433 juta MYR) yang dikaitkan dengan dana pelaburan 1MDB, yang disita dari bank-bank Switzerland menerusi suatu badan bebas untuk menyalurkan wang itu kembali kepada rakyat Malaysia.

**"Untuk mendapatkan kembali harta yang telah digelapkan sebenarnya adalah tumpuan utama Konvensyen Anti-Rasuah PBB (UNCAC). Negara-negara yang mengepalai dan institusi sedunia sedang membina usaha dan kerjasama melalui Persidangan Antarabangsa untuk Mendapatkan Kembali Harta (Global Forum on Asset Recovery, GFAR) pada bulan depan di Washington DC. Pakar-pakar dalam bidang ini telah menyebutkes 1MDB sebagai kes terbesar dalam bidang ini, tetapi keenganan kerajaan Malaysia untuk mengakui kehilangan dana 1MDB telah menyekat proses pengembalian semula harta, dan ia sangat mengecewakan."**

- Cynthia Gabriel, C4 Center

C4 Center dan Bersih 2.0 pada masa ini mengetuai usaha untuk memastikan 'asset recovery' ataupun pengembalian harta – sebuah istilah teknikal, yang bermaksud "sebarang usaha kerajaan untuk memulangkan hasil rasuah yang tersembunyi di negara-negara asing"- boleh berlaku dengan keuntungandari pengubahan wang haram yang disalurkan daripada dana 1MDB di Switzerland. C4 Center, BERSIH 2.0 dan 110 NGO-NGO Malaysia lain yang menyokong inisiatif ini, akan berkerjasama dengan Bruno Manser Fund dan Global Bersih yang kedua-duanya berpusat di Switzerland. Mereka akan membantu dengan berkempen di negara Switzerland untuk mendapatkan kembali wang tersebut untuk rakyat Malaysia.

GFAR adalah persidangan pertama yang memberi tumpuan kepada wang gelap di peringkat dunia. Ia akan mengumpulkan ahli-ahli dalam bidang siasatan kewangan, polis, pendakwa, hakim dan wakil masyarakat sivil untuk membincangkan hal-ehwal teknikal dan amalan terbaik untuk membolehkan pengembalian harta. dengan memberi keutamaan kepada kes empat negara.

GFAR tercetus daripada Sidang Kemuncak Pencegahan Rasuah yang berlangsung di London pada tahun 2016, dengan penyertaan 40 negara dan sokongan Stolen Asset Recovery Initiative di Bank Dunia.

Walaupun Malaysia tidak memberikan penglibatan penuh dalam GFAR oleh sebab pihak berkuasa semasa bersubahat dalam penggelapan wang 1MDB, C4 Center dan Bersih 2.0 akan mengkaji hasil-hasil perbincangan GFAR dan akan melibatkan pihak berkepentingan untuk meneroka dan mengemukakan cadangan yang lebih konkrit.

**"Kami tahu bahawa terdapat penglibatan pengurus-pengurus 1MDB dalam pengelapian dana di luar negeri. hati nurani dan moral kami tidak dapat membenarkan pihak kerajaan Swiss untuk mengembalikannya kepada rejim yang mencuri wang awam; adalah tidak wajar untuk kerajaan Switzerland mengambil wang tersebut semata-mata kerana wang tersebut dengan kebetulan digubah secara haram melalui bank di sana."**

- Maria Chin, Bersih 2.0

Persubahatan pentadbiran kerajaan Malaysia telah pun terbukti apabila Peguam Negara Switzerland meminta 'mutual legal assistance' (Bantuan Perundangan Persalingan) daripada Peguam Negara Malaysia sebanyak dua kali untuk membantu mereka menyiasat pengubahan wang haram 1MDB pada tahun lepas. Peguam Negara Switzerland akhirnya gagal menerima jawapan positif dan lengkap daripada kerajaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, kes siasatan Peguam Negara Switzerland masih berterusan. Pada masa yang sama, badan pengawalseliaan kewangan Switzerland, FINMA, telah menghukum tiga bank Switzerland kerana melanggar

[BERSAMBUNG]

undang-undang pencegahan pengubahan wang haram Switzerland. FINMA telah menyita sejumlah 104 juta Swiss Francs. Ketiga-tiga bank tersebut sedang merayu keputusan itu.

### CADANGAN NGO MALAYSIA: DANA AMANAH SEMENTARA

Pilihanraya umum ke-14 Malaysia merupakan satu peringkat penting untuk memajukan proses ini, oleh sebab proses pengembalian harta mungkin dapat dipercepatkan oleh pentadbiran baru.

Jika kebarangkalian untuk perubahan pentadbiran menjadi makin kurang pasti, C4 Center dan Bersih 2.0 menggesa kerajaan Switzerland untuk mempertimbangkan penubuhan dana amanah sementara yang dibantu oleh Bank Dunia atau institusi lain. Dana amanah tersebut akan digunakan untuk membantu mengembalikan wang yang dicuri dan mengembalikannya kepada rakyat Malaysia.

Satu kerangka yang boleh dicontohi telahpun dipelopori oleh Yayasan BOTA di Kazakhstan.

**"Kami percaya bahawa sebahagian kecil daripada wang 1MDB yang sudahpun digelapkan masih boleh dikembalikan kepada rakyat Malaysia oleh sebab Yayasan BOTA telah menjadi contoh dalam hal ini. Yayasan BOTA sebenarnya sebuah pertubuhan yang pertama seumpamanya, yang ditubuhkan khas untuk mengembalikan wang yang diubah secara haram kepada orang awam di negara asalnya." ([Http://www.fcpablog.com/blog/2015/4/15/the-bota-foundation-beberapa-enam-cara-adalah-bota-set-up.html](http://www.fcpablog.com/blog/2015/4/15/the-bota-foundation-beberapa-enam-cara-adalah-bota-set-up.html))**

- Cynthia Gabriel, C4 Center

112 NGO Malaysia mengesyorkan model yayasan tersebut. Yayasan tersebut ditubuhkan pada tahun 2007 untuk mengembalikan 84 juta USD kepada rakyat Kazakhstan. Yayasan tersebut mengagihkan dananya melalui tiga program anti-kemiskinan: satu program pemindahan tunai secara langsung dengan bersyaratkan penerimanya menghantar anak-anak ke taska; sebuah program perkhidmatan sosial yang memberikan geran bersaiz sederhana kepada NGO-NGO tempatan; dan program biasiswa universiti untuk anak muda Kazakhstan.

Seperti 1MDB, wang yang menjadi dana Yayasan BOTA asalnya dari bayaran rasuah kepada golongan atasan di Kazakhstan. Di samping itu, wang tersebut juga menjadi sasaran tuntutan undang-undang sivil oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat dan diubah secara haram melalui akaun bank Switzerland.

Kami akan mengeluarkan surat mustahak untuk menggesa kerajaan Switzerland untuk menggunakan keuntungan haram daripada pengubahan dana 1MDB dengan cara yang seumpama Yayasan BOTA. Dengan itu, keuntungan haram tersebut tidak dipulangkan kepada pentadbiran kerajaan Malaysia yang bersifat kleptokrasi.


Mengikut undang-undang Switzerland, harta yang disita akan diambil oleh kerajaan Switzerland atau dibayar kepada pihak yang mengalami kerugian. Jika keuntungan haram tersebut dipulangkan semula kepada 1MDB, tindakan ini akan menjejaskan semangat anti-rasuah yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Switzerland selama ini.

Kumpulan NGO ini percaya bahawa kerajaan Swiss perlu terus meneruskan reputasi ketelusan dan semangatnya dalam memerangi pengubahan wang haram dengan mempertimbangkan pemulangan dana tersebut kepada rakyat Malaysia dengan secepat mungkin. Amalan ini sejajar dengan norma-norma pengembalian harta antarabangsa yang kian berkembang.

Kami mendesak Kerajaan Switzerland untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya, mahupun dari segi undang-undang ataupun segi lain, untuk menjadi teladan sedunia dan memastikan keadilan antarabangsa dapat dicapai.

Kami menyeru komuniti-komuniti antarabangsa untuk menyokong desakan untuk mengembalikan dana yang sebenarnya hak setiap warganegara Malaysia.

Dikeluarkan oleh:



Cynthia Gabriel  
Pegarah Eksekutif, C4 Center



Maria Chin Abdullah  
Pengerusi, Bersih 2.0